

TADBIR URUS AGIHAN DANA ZAKAT DI UITM CAWANGAN JOHOR: KAJIAN TERHADAP ISU DAN PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN AGIHAN

(Governance of Zakat Fund's Distribution in UiTM Johor Branch: A Study on Issues and Improvements in Distribution Management)

Siti Noor Ain Binti Aziz^{a*}, Emie Sylviana Binti Mohd Zahid^b, Mahasin Binti Mearaj^c, Zuraidah Binti Sumery^d, Mohd Asyadi Bin Redzuan^e dan Juliana Binti Abdul Kadir^f

^a Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat. sitin308@uitm.edu.my

^b Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh. emies692@uitm.edu.my

^c Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat. mahs220@uitm.edu.my

^d Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. zurai012@uitm.edu.my

^e Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat. mohda131@uitm.edu.my

^f Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. julia593@uitm.edu.my

* Siti Noor Ain Binti Aziz^a

Article info

Received:
17th Feb. 2020
Received in revised form:
23rd March 2020
Accepted:
1st April 2020
Available online:
3rd April 2020

Keywords:
Distribution of Zakat Fund;
Students;
UiTM Johor Branch Segamat Campus.

Abstract

In order to achieve zakat's objectives, more proactive and efficient distribution of zakat is desired as an effort that needs to be implemented, managed and improved continuously. As an institution which manages the zakat fund, Islamic Affairs Unit (UHEI) of UiTM Johor Branch, Segamat Campus is responsible in preserving UiTM CJ students' welfare by providing a grant of zakat funds based on the eligibility of 'Asnaf's qualifications. The zakat distributions made by UHEI is distributed twice a year consistent with the number of students' enrolment sessions which usually starts off on March and September each year. The major dilemma of questions arises whether or not the duration of the zakat distribution process which is assumed to be needed in students' education has met its objective. Hence, this study aims to i) explain the governance in the zakat's distribution process at UiTM and ii) identify the issues that arise when administering the zakat fund to students. This qualitative study was conducted by using descriptive approach in which the reference was made exclusively to the Zakat's manuals and reports as the primary data. Data were also collected through in-depth semi-structured interview. Based on the interviews and observations made, issues that occurred when administering zakat distribution to students were identified and followed by the proposed solutions to solve the problem.

Abstrak

Kata Kunci:

Agihan Dana Zakat;

Pelajar;

Universiti Teknologi

MARA Cawangan Johor

Kampus Segamat.

Pengagihan zakat dengan lebih proaktif dan efisien merupakan satu usaha yang perlu diuruskan dan dilaksanakan secara berterusan dan ditambahbaik agar objektif sebenar zakat tercapai. Sebagai institusi yang menguruskan dana zakat, dibawah kelolaan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat berperanan menjaga kebajikan pelajar UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat dengan menyediakan bantuan dana zakat mengikut kelayakan asnaf. Pengagihan zakat yang dibuat oleh UHEI adalah sebanyak dua kali setahun mengikut sesi kemasukan para pelajar iaitu sesi Mac dan September. Timbul persoalan mengenai tempoh proses pengendalian agihan zakat kepada pelajar bagi memenuhi kecukupan dan keselesaan perbelanjaan dalam pendidikan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk i) menjelaskan tadbir urus dalam proses agihan zakat di UiTM dan ii) mengenal pasti isu permasalahan yang berlaku ketika mengurus agihan dana zakat kepada para pelajar. Kajian ini adalah secara kualitatif iaitu kajian dokumentasi dengan merujuk manual dan laporan zakat. Berdasarkan kepada temu bual dan pemerhatian yang dibuat, terdapat isu yang berlaku ketika mengurus tadbir dana agihan zakat kepada pelajar diikuti dengan cadangan penyelesaian terhadap isu masalah tersebut.

PENGENALAN

Universiti Teknologi Mara (UiTM) merupakan institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang dibenarkan melaksanakan operasi kutipan dan agihan zakat. Ia juga turut melaksanakan kutipan dan agihan sedekah serta kutipan wakaf. Operasi ini dilaksanakan oleh Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (PZWS), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) (Akademi Pengajian Islam Kontemporari, 2018).

Kajian Muhammad Rizal, Hairunnizam & Sanep (2015) mendapati sejarah pelaksanaan program zakat di UiTM bermula pada 14 Januari 1998 setelah Majlis Agama Islam Selangor memberi kebenaran kepada ITM untuk melaksanakan pungutan dan agihan zakat dalam kalangan warganya. Hal ini adalah dari hasil usaha penyediaan kertas konsep yang bertajuk “Konsep Projek Q5S ITM (UiTM)”. Kertas konsep ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman di ITM pada 21 November 1996 dan mendapat persetujuan oleh pihak pengurusan ITM dalam melaksanakan program zakat dan berusaha menyediakan fasiliti yang sepatutnya bagi merealisasikan tujuan tersebut. Kertas konsep ini juga turut dibentangkan di hadapan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor dan pengurusan Pusat Zakat Selangor (PZS) pada 16 Oktober 1996 di Ibu Pejabat Pusat Zakat Selangor, Petaling Jaya. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Perunding Tabung Amanah Zakat ITM telah mengemukakan kertas cadangan pungutan dan agihan zakat di ITM untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Kertas cadangan ini juga kemudiannya dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor pada 24 Mac 1997 (Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar UiTM, 2018).

Kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri turut dipergiatkan bagi membolehkan kutipan dan agihan zakat dibuat di seluruh sistem UiTM termasuk UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Perjanjian perlantikan Penolong Amil antara Lembaga Zakat Selangor dan UiTM telah diadakan pada 4 April 2008. Melalui proses desentralisasi ini pihak UiTM akan bertindak sebagai amil bagi menguruskan aspek kutipan dan agihan zakat di kalangan kakitangannya serta pelajarannya (Baharuddin, Ahmad Zaki & Mohd Afandi, 2014).

Bagi memudahkan agihan dana zakat di kampus-kampus cawangan, satu Tabung Amanah Zakat UiTM ditubuhkan. Tabung tersebut mengandungi dana zakat yang diperolehi melalui hasil kutipan tunai dan potongan gaji para pembayar zakat dari kalangan kakitangan UiTM itu sendiri. Ia akan diagihkan kepada asnaf fakir, miskin, muallaf dan fi sabilillah sama ada pelajar atau kakitangan.

Zakat memainkan peranan yang besar dalam aspek pendidikan dengan memberi peluang pendidikan kepada anak-anak golongan fakir dan miskin bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan yang selayaknya. Transformasi kepada pengurusan agihan zakat dilihat amat perlu kerana ia merupakan tanggungjawab unit zakat. Islam mementingkan prinsip itqan dalam pengagihan zakat agar matlamat dapat dicapai dan manfaat dapat disalurkan dengan penuh ketekunan dan sistematik. Namun begitu, bagi memastikan konsistensi dan kecekapan dalam pengurusan agihan bantuan zakat kepada pelajar UiTM cawangan Johor Kampus Segamat tidak begitu mudah. Justeru kedudukan sebelum penambahbaikan dilaksanakan di unit zakat, UHEI adalah isu tempoh proses pengendalian agihan zakat kepada pelajar dikenalpasti.

Kajian ini memfokuskan kepada penjelasan mengenai tadbir urus proses agihan zakat di UiTM dan mengenal pasti isu permasalahan yang berlaku ketika mengurus agihan dana zakat kepada para pelajar bagi memenuhi kecukupan dan keselesaan perbelanjaan dalam pendidikan.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian lepas membincangkan aspek sistem dan pengurusan zakat perlu dilakukan penambahbaikan secara berterusan mengikut keperluan semasa dan diuruskan secara efisien agar objektif sebenar zakat tercapai. Hal ini kerana pengagihan zakat yang berkesan bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat. Aspek ini sangat signifikan bagi menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada golongan fakir dan miskin yang telah memberi impak kepada peningkatan taraf hidup mereka khususnya dalam bidang pendidikan (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, 2004). Beberapa penyelidik telah membincangkan mengenai isu yang dihadapi institusi zakat berkaitan hal pengurusan pengagihan dana zakat. Kajian yang telah dilakukan oleh Wahid, Ahmad dan Kader (2009) menunjukkan majoriti responden tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat yang dijalankan oleh institusi zakat. Antara alasannya adalah kerana kaedah pengagihan zakat yang tidak jelas, masalah maklumat pengagihan yang tidak menyeluruh, pengagihan tidak menyeluruh mengikut asnaf, jumlah pengagihan wang yang tidak mencukupi, dan masalah-masalah lain. Satu kajian tentang kesedaran agihan zakat di UMK mendapati prosedurnya menggunakan cara manual untuk agihan zakat, maka pelajar tidak cakna dengan pengumuman atau sebaran bagi permohonan zakat.

Menurut Abdul Wahab et.al (1995) Pengagihan zakat di Malaysia tidak diurus dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan professional. Imtiaz (2000) berandaian seorang pengurus institusi zakat perlu mengurus dana zakat secara efisien oleh mereka yang dipercayai, berkelayakan dan mempunyai kemahiran untuk mengurus dana zakat. Bagi Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Zakat Selangor, 2011) mereka sentiasa memastikan bantuan zakat yang disalurkan adalah segera dan telus bagi memastikan ia (bantuan) sampai kepada golongan sasaran tanpa proses birokrasi yang rumit sehinggakan terdapat bantuan yang diluluskan dalam tempoh dua jam mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan. Birokrasi dalam pengagihan wang zakat tidak akan wujud jika dilihat dari aspek kesegeraan kelulusan permohonan bantuan kepada asnaf. Birokrasi terlalu banyak adalah satu masalah yang melambatkan semua operasi dan menjadikannya memakan masa. Walau bagaimanapun, setiap permohonan mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan, perlu disertakan dengan dokumen sokongan, prosedur dan tempoh tertentu bagi memastikan ketelusan permohonan dan hak zakat itu dapat dipelihara serta mengelakkan sebarang penipuan. Hal ini dapat menjamin matlamat sebenar pengagihan selaras dengan kehendak dan maqasid syariah.

Ahmad Razimi et al. (2016) mencadangkan bahawa untuk meningkatkan kecekapan pengurusan zakat, terdapat lima perkara utama iaitu bilangan staf, Penggunaan ICT, Tadbir Urus Korporat, bilangan cawangan dan korporat. Satu model yang diperkenalkan mengenai kesedaran dan keberkesanan pengagihan zakat di kalangan pelajar universiti mempunyai 4 elemen iaitu kemudahan akses kepada maklumat zakat, medium agihan, sumber dan prosedur (https://www.academia.edu/30189890/the_awareness_of_zakat_distribution). Salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi zakat yang berdaya saing dan moden adalah e-zakat. e-Zakat adalah media dalam talian yang digunakan untuk menyokong cara-cara organisasi zakat menyampaikan perkhidmatan, terutamanya dalam pengumpulan dan pengagihan dana zakat kepada penerima zakat.

Walaupun terdapat beberapa lagi artikel lain yang membincangkan tentang agihan zakat, namun masih kurang kajian yang mengupas proses agihan bantuan zakat yang cepat dan efisien kepada pelajar. Oleh itu, keperluan kajian dan perbincangan berkaitan isu-isu permasalahan dalam operasi agihan bantuan zakat serta inisiatif yang harus dilakukan bagi memastikan kecekapan agihan zakat kepada pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah secara kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperustakaan (*library research*). Data melalui kaedah ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas rekod dan dokumen-dokumen bertulis. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, jurnal, manual, laporan Mini Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), laporan zakat dan laman web ACIS. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang mendalam berkaitan dengan urus tadbir dan isu dalam agihan bantuan zakat kepada pelajar di UiTM CJ Kampus Segamat. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual ringkas yang dilakukan secara bersemuka dan melalui telefon. Sesi temubual telah di adakan bersama pegawai Zakat, Ustazah Siti Fatimah Ab Talib yang juga merupakan pegawai kanan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) yang mengelolakan pengurusan zakat. Kaedah temubual ini sesuai digunakan kerana pengkaji menjurus kepada orientasi maklumat yang diharapkan dan ditentukan sahaja secara ringkas dan padat. Masa diambil untuk mendapatkan maklumat antara 15-30 minit. Dalam temubual tersebut, fokus utama ialah untuk mengetahui proses agihan serta isu permasalahan yang dihadapi ketika menguruskan agihan bantuan zakat kepada pelajar. Temubual tidak berstruktur turut dijalankan kepada penerima agihan dana zakat yang mewakili seorang pelajar Ijazah dan seorang pelajar Diploma bagi mengetahui sejauhmanakah kepuasan penerimaan bantuan zakat kepada pelajar dan persepsi mereka terhadap proses agihan.

DAPATAN KAJIAN

Tadbir Urus Agihan Zakat Di UiTCJ Kampus Segamat

UiTM dipertanggungjawabkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dengan mengumpul maklumat warga UiTM beragama Islam yang wajib membayar zakat dan berpotensi sebagai pembayar zakat, memberi penerangan mengenai zakat, mentaksir zakat dan mengutip zakat melalui kaunter dan potongan gaji. Manakala dalam mengurus agihan zakat, UiTM bertanggungjawab mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf seperti fakir, miskin, fi sabilillah dan muallaf.

Penubuhan Unit Zakat adalah untuk menyelaras kutipan zakat daripada kakitangan UiTM dan mengagihkan kepada mereka yang layak menerimanya. Pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan serta memenuhi asnaf yang diperuntukkan (golongan fakir, miskin, muallaf, fisabilillah) adalah layak untuk memohon bantuan zakat melalui unit ini. Sepertimana dalam Buku Panduan Pelajar Edisi Khas, BHEI (2018), fungsi utama Unit Zakat adalah mengagihkan wang kutipan zakat kepada mereka yang layak, meningkatkan komitmen setiap warga muslim UiTM yang berkemampuan membayar zakat, membantu agihan harta zakat sampai kepada sasaran dengan lebih efisien, sebagai dana bantuan pendidikan kepada pelajar dan menyediakan tabung kecemasan kepada warga UiTM yang ditimpa bencana.

Tugas ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan sempurna. Kutipan zakat dilaksanakan dalam dua bentuk utama iaitu kutipan tunai bagi semua jenis zakat dan kutipan secara potongan gaji bagi zakat pendapatan sahaja (Zakat Centre, 2016).

Kakitangan UiTM boleh membayar zakat pendapatan masing-masing melalui potongan gaji bulanan manakala zakat-zakat yang lain boleh dibayar secara tunai. Dalam Buku Panduan Staf, Bahagian Pentadbiran Fakulti Pengurusan & Perniagaan (2015) semua urusan yang berkaitan dengan zakat dikendalikan oleh Unit Zakat Universiti, Pusat Khidmat Islam Bersepadu, Universiti. Hasil kutipan tersebut dimasukkan ke dalam tabung amanah zakat UiTM sebagai sumber kewangan.

Menurut Siti Fatimah (2018) tentang agihan zakat, pada asalnya pihak UiTM menerima 50 peratus berbanding kini pihak UiTM menerima 100 peratus daripada jumlah kutipan zakat untuk diagihkan kepada asnaf melalui Tabung Amanah Zakat dan 1/16 daripada kutipan zakat sebagai upah amil. Zakat diagihkan kepada empat asnaf iaitu fakir, miskin, fi sabilillah dan muallaf. Sasaran agihan ialah warga UiTM iaitu pelajar dan kakitangan UiTM. Bantuan yang diberikan dalam bentuk bayaran yuran, sara hidup, hari raya, kesihatan dan lain-lain.

Terdapat garis panduan yang perlu digunapakai oleh UiTM bagi tujuan mengenal pasti golongan asnaf. Pentakrifan asnaf berikut adalah yang termaktub dalam MOU Majlis Agama Islam Negeri. Berikut adalah Jadual pentakrifan asnaf yang digunapakai oleh UiTM.

Jadual 1: Pentakrifan Asnaf

Asnaf	Kriteria
Fakir	a) Pelajar/kakitangan Muslim daripada keluarga yang tiada harta/pendapatan halal yang boleh menampung keperluan anggota keluarganya seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya. b) Pelajar kematian bapa atau hilang tempat bergantung c) Bapa yang tiada harta atau pekerjaan d) Bapa yang tua atau uzur yang tidak mampu bekerja
Miskin	a) Pelajar/kakitangan Muslim daripada keluarga yang ada harta/pendapatan tetapi tidak dapat memenuhi keperluan sepenuhnya b) Bapa ada harta/pendapatan tetapi tidak mencukupi keperluan diri dan tanggungannya c) Bapa yang tua dan uzur yang tidak mampu bekerja d) Pelajar yang ibu bapanya bercerai
<i>Fi sabilillah</i>	a) Tiap-tiap pekerjaan/aktiviti yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan dan mengembangkan syiar Islam
Muallaf	a) Pelajar yang baru memeluk Islam dimana iamanannya terhadap Islam perlu dikukuhkan.

Sumber: Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar UiTM

Pelajar yang memohon ingin wang zakat perlu memenuhi kriteria seperti i) beragama Islam, ii) pelajar sepenuh masa UiTM, iii) tidak mendapat bantuan kewangan daripada mana-mana institusi seperti JPA, MARA, PTPTN dan sebagainya serta iv) tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib oleh pihak Universiti. Manakala pakej agihan adalah mengikut tahap pengajian. Kadar maksimum yang ditetapkan bagi setiap asnaf dan ia boleh ditentukan berdasarkan keadaan dan kewangan semasa. Berikut adalah Jadual 2 pakej dana agihan yang ditetapkan oleh UiTM.


Jadual 2: Pakej Dana Agihan

Asnaf	Diploma	Ijazah	Sarjana
Fakir	RM800	RM900	RM2500
Miskin	RM750	RM850	RM1750
Muallaf	RM800	RM800	RM400
<i>Fi sabilillah</i>	RM550	RM650	RM1000

Sumber: Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar UiTM

Di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat, urusan zakat adalah dibawah kelolaan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) yang bertanggungjawab menguruskan bantuan zakat kepada para pelajar di UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat. Ia hanya ditawarkan kepada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja. Permohonan dibuka setiap semester dan pelajar dibenarkan untuk memohon sekali sahaja bagi satu semester (Siti Fatimah, 2018). Berikut merupakan Carta 1 proses pengurusan agihan zakat di UiTM CJ.

Carta 1: Proses Pengurusan Agihan Zakat UiTMCI




Sumber: Al-Barakah (2017)

Berdasarkan Carta 1 diatas, urusan agihan zakat bermula apabila edaran pekeliling dilaksanakan. Setelah itu, para pelajar akan mengambil borang di UHEI dan menghantarnya semula ke UHEI setelah melengkapkan borang bantuan zakat. Pemohon bantuan zakat akan dipanggil untuk ujian saringan berbentuk temubual bagi menentukan kelayakan pemohon menerima bantuan zakat. Pihak UHEI akan menerima dan menyemak borang dengan mengambil kira had kifayah. Proses memasukkan data turut dilaksanakan untuk tujuan pelaporan. Hasil maklumat yang diperolehi dibentangkan dalam mesyuarat agihan bagi mendapat kelulusan. Kelulusan yang telah diputuskan akan mengeluarkan cek bagi penyerahan bantuan. Serahan bantuan yang dilaksanakan turut direkod oleh UHEI. Dibawah UHEI terdapat Unit Zakat di UiTMCI yang diketuai oleh Ustazah Siti Fatimah Ab Talib dan dibantu oleh seorang kerani. Unit ini dibentuk bagi memudahkan pengurusan zakat diUiTM. Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Unit Zakat, pelaporan agihan dana zakat bagi pelajar Diploma adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Pelaporan Agihan Dana Zakat Bagi Pelajar Diploma di UiTMCI Tahun 2015-2017

Sesi/ Asnaf	November 2015-April 2016 (Diploma)					November 2016-April 2017 (Diploma)				
	Permohonan		Jumlah Permohonan	Jumlah Diluluskan	Agihan Zakat (RM)	Permohonan		Jumlah Permohonan	Jumlah Diluluskan	Agihan Zakat (RM)
	Siswa	Siswi				Siswa	Siswi			
Fakir	-	-	-	-	-	1	9	10	10 (100%)	1,600
Miskin	-	-	-	-	-	0	1	1	1 (100%)	8,100
<i>Fi Sabilillah</i>	42	188	230	185 (80.4%)	63,210	27	125	152	131 (87.11%)	22,200
Muallaf	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	42	188	230	185 (80.4%)	63,210	28	135	163	142 (87.1%)	31,900

Sumber: Unit Hal Ehwal Islam (2018)

Graf 1: Jumlah Agihan Dana Zakat di UiTM CJ Bagi Pelajar Diploma Tahun 2015-2017

Berdasarkan Jadual pelaporan dan Graf 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa asnaf *fi sabilillah* lebih ramai berbanding asnaf fakir dan miskin. Asnaf *fi sabilillah* merupakan salah satu asnaf, selari dengan ayat al-Quran firmanNya yang bermaksud:

“*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana*” (Surah At-Taubah, ayat 60).

“*Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*” (surah as-Saff ayat 10-11)

Pada zaman nabi dan sahabat, definisi *fi sabilillah* lebih terarah dalam kategori membela agama Allah SWT. Namun, definisi *fi sabilillah* lebih meluas definisinya pada zaman kini. Ia bersangkut paut dengan usaha untuk membela agama Allah dengan apa cara sekalipun. Justeru, kajian Hamizul (2015) mendapati pelajar yang menuntut ilmu maka dia layak dibantu dengan dana asnaf tersebut demi masalah ammah jangka panjang serta meninggikan agama Islam.


Manakala jumlah agihan dana zakat bagi pelajar ijazah adalah seperti Jadual 4 dibawah.

Jadual 4: Pelaporan Agihan Dana Zakat Bagi Pelajar Ijazah di UiTM CJ Tahun 2015-2017

Sesi/ Asnaf	September 2015-Januari 2016 (Ijazah)					Mac-Julai 2017 (Ijazah)				
	Permohonan		Jumlah Mohon	Jumlah Diluluskan	Agihan Zakat (RM)	Permohonan		Jumlah Mohon	Jumlah Diluluskan	Agihan Zakat (RM)
	Siswa	Siswi				Siswa	Siswi			
Fakir						4	14	18	18 (100%)	9,600
Miskin						9	57	66	66 (100%)	28,750
<i>Fi Sabilillah</i>	16	86	102	84 (82.4%)	35,000	10	20	30	27 (90%)	9,950
Muallaf		1	1	1 (0.1%)	300					
Jumlah	16	87	103	85 (82.5%)	35,300	23	91	114	111 (97.3%)	48,300

Sumber: Unit Hal Ehwal Islam (2018)

Graf 2: Jumlah Agihan Dana Zakat di UiTMCJ Bagi Pelajar Ijazah Tahun 2015-2017



Berdasarkan Graf 2 di atas, jelas menunjukkan agihan zakat hanya kepada asnaf *fi sabilillah* dan muallaf pada sesi September 2015 hingga Januari 2016 berbanding sesi Mac hingga Julai 2017, bantuan turut diagihkan kepada golongan asnaf fakir, miskin dan *fi sabilillah*. Hal ini jelas menyatakan bahawa pihak UHEI sentiasa mengambil berat dalam menjamin kebajikan para pelajar yang memerlukan dengan peningkatan jumlah permohonan yang diluluskan sebanyak 97.3% dapat dibuktikan pada sesi Mac hingga Julai 2017 (ijazah) berbanding September 2015-Januari 2016 (ijazah) sebanyak 82.5%.

Pelaksanaan agihan zakat kepada pelajar sangat penting kerana peranan zakat dapat membantu mengatasi masalah keciciran pelajaran. Kajian Zakiah (2011), Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar (2014) mendapati keciciran pelajaran berlaku dalam kalangan pelajar yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Zakat juga dapat membasmi kemiskinan jangka masa panjang serta pencetus anjakan paradigma apabila bantuan zakat dapat menyuntik kesedaran dan semangat ingin berjaya malah membuktikan kepada masyarakat yang mereka juga layak dan berhak untuk berubah dan berjaya.

Isu Permasalahan dalam Agihan Zakat UiTMCJ

Menurut Siti Fatimah (2018), berdasarkan kepada pemerhatian dalam menjalankan urus tadbir agihan zakat UiTMCJ Kampus Segamat, terdapat beberapa masalah yang timbul ketika melaksanakan agihan dana zakat adalah seperti:

Sikap Pelajar

Pelajar kurang peka dengan makluman awal yang diedarkan oleh pihak UHEI. Malah pelajar turut menghantar borang di saat akhir dan selepas tarikh tutup permohonan zakat. Hal ini akan melambatkan proses saringan temuduga dijalankan dan terpaksa dilanjutkan pada tarikh tertentu.

Kerja Berulang dan Lambat

Terdapat banyak borang yang dihantar oleh pemohon/pelajar perlu disemak satu persatu dan maklumat yang diperolehi diisi secara manual ke Ms Excel. Proses memasukkan data dan maklumat pemohon mengambil masa kerana bertindih dengan tugas hakiki perkeranian. Malah wujud birokrasi apabila borang yang diperolehi perlu melibatkan persetujuan oleh banyak pihak walaupun pihak pengurusan telah menyediakan gerak kerja /prosedur dalam pengurusan agihan zakat. Selain itu, kekangan masa yang melibatkan AJK Kecil Agihan Zakat untuk mengadakan mesyuarat bagi menetapkan had kifayah. Tarikh mesyuarat dan saringan sering bertindih dengan program-program universiti.

Maklumat Tidak Tepat

Dokumen pemohon/pelajar yang tidak lengkap dan tidak menepati syarat yang disediakan seperti penipuan maklumat peribadi dalam borang permohonan. Kes ini dapat dikesan ketika sesi temuduga dimana jawapan tidak setara dengan maklumat yang dinyatakan sepertimana dalam borang. Dokumen tersebut terpaksa dipulangkan semula dan tidak diterima.


Jarak Jauh

Kekangan pemohon/pelajar untuk mendapatkan dokumen serta pengesahan sebagai bukti permohonan zakat. Namun, dengan inisiatif dan kecaknaan kepada kebajikan pelajar, pihak zakat akan memanggil semula untuk mendapat kepastian sekiranya ingin terus memohon bantuan.

Hal ini menjadikan proses kerja mengambil masa yang lama iaitu 93 hari. Ahli yang bertanggungjawab dalam urus tadbir agihan zakat melibatkan enam ahli jawatankuasa kecil agihan, empat kakitangan UHEI dan enam ahli jawatankuasa edaran. Ini akan membebankan para pelajar yang memerlukan dari segi kos sara hidup ketika belajar di UiTM serta mengganggu proses pembelajaran pelajar tersebut. Dari segi implikasi terhadap jabatan, perkara ini boleh meningkatkan kos serta menjejaskan operasi jabatan. Secara tidak langsung, hubungkait kepada objektif UiTM dalam menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang dapat menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat tidak tercapai.

Berikut Carta 2 jangka masa yang diambil ketika proses kerja dibuat.

Carta 2: Jangka Masa Proses Kerja




Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Merujuk kepada carta alir di atas, proses kerja adalah bermula dari edaran pekeliling sehingga wang zakat dikreditkan kepada pemohon. Proses tersebut mengambil masa 3 bulan untuk para pelajar menerima wang zakat. Antara proses kerja yang mengambil tempoh yang lama ialah proses menemuduga pelajar yang memohon bantuan zakat. Hampir sebulan proses temuduga dijalankan.

Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan pihak UHEI telah menetapkan sasaran tempoh masa carta alir proses kerja dari 93 hari kepada 50 hari agar para pelajar tidak terlewat menerima wang zakat.

Graf 3: Penetapan Sasaran Tempoh Masa Agihan Zakat



Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Cadangan Penambahbaikan

Oleh itu, cadangan yang dibuat oleh pihak ACIS dan UHEI dalam menangani masalah yang telah dikenalpasti ialah

Bil	Punca/ Masalah yang dikenalpasti	Cadangan/ Tindakan
1	Sikap pelajar- Menangani masalah sikap pelajar yang tidak peka dengan maklumat yang disampaikan.	Tindakan yang perlu dilaksanakan ialah memberi maklumat awal semasa hari pendaftaran, memasukan iklan dalam student portal serta memohon kerjasama pensyarah untuk memaklumkan kepada pelajar di dalam kuliah.
2	Kerja berulang	Memerlukan kerjasama dengan pihak Infotech untuk membangunkan sistem online. Penggunaan Sistem Maklumat Agihan zakat berasaskan web harus dibangunkan pada era modenisi bagi mengurangkan proses kerja dan mempercepatkan tempoh proses permohonan. Bahkan, dengan adanya penggunaan laporan secara digital, kakitangan UHEI tidak perlu membuat semakan sejarah penerimaan bantuan kewangan pelajar.
3	Proses lambat	Memerlukan tenaga Skim Khidmat Pelajar (SKP) bagi menguruskan borang permohonan yang dihantar. Menambah panel temuduga dari empat kepada enam orang panel. Maklumat pemohon diringkaskan, menyemak proses birokrasi yang tidak perlu serta memansuhkan mesyuarat JK Kecil Agihan.
4	Maklumat tidak tepat dan lengkap	Pihak UHEI perlu menyediakan senarai semak kepada pemohon/pelajar
5	Jarak jauh	Memaklumkan kepada pelajar baru ketika sesi pendaftaran pelajar mengenai dokumen yang diperlukan bagi yang layak memohon zakat UiTM.

Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Kesimpulannya, cadangan yang dibuat oleh pihak ACIS dan UHEI ialah dengan mengambil kira perkara yang perlu dengan pengaplikasian strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy) adalah i) diciptakan atau dibentuk, ii) dihapuskan dikurangkan dan iii) ditingkatkan.


Perkara yang perlu dicipta atau dibentuk ialah dengan i) menambah ahli panel temu duga dari 4 orang kepada 6 orang ii) maklumat pemohon diringkaskan dan iii) menyemak proses birokrasi yang tidak perlu iv) sistem online perlu dibangunkan agar tiada masalah pelaporan dan v) memerlukan khidmat tenaga skim khidmat pelajar dalam menguruskan proses kerja berjalan dengan cepat dan efisien.

Perkara yang perlu dihapuskan ialah kerja berulang kali serta memansuhkan mesyuarat jawatankuasa kecil agihan. Perkara yang perlu dikurangkan ialah beban kerja dan masa bagi pihak UHEI.

Manakala perkara yang perlu ditingkatkan ialah mempercepatkan proses agihan zakat secara berkesan. Tindakan yang dibuat telah memberi penambahbaikan kepada carta alir proses pengagihan zakat. Ini dapat membantu meningkatkan kualiti proses perkhidmatan jabatan dengan menepati KPI yang telah ditetapkan. Pihak UHEI perlu memaklumkan awal kepada pelajar berkenaan pengambilan borang.

Setiap cadangan yang dibuat mempunyai pro dan kontra. Dengan cara ini dapat mempercepatkan proses pengagihan zakat kepada pelajar serta carta alir proses pengagihan zakat dapat ditambahbaik. Berikut adalah kajian semula proses kerja yang ditambahbaik oleh UHEI.


Carta 3: Kajian Semula Proses Kerja (Proses Agihan Zakat)



Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Berdasarkan Carta 3 diatas, pihak telah memansuhkan mesyuarat jawatankuasa kecil agihan zakat digantikan dengan edaran kepada jawatankuasa induk bagi kelulusan bajet diikuti dengan serahan dokumen kepada pejabat bendahari dan wang zakat dikreditkan terus ke akaun pelajar.

Carta 4: Uji Coba Proses Kerja




Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Hasil uji coba yang dijalankan, tempoh masa proses kerja hanya mengambil masa 44 hari sahaja melepasi sasaran 50 hari. Pengurangan berlaku sebanyak 49 hari.

Namun kekangan tetap berlaku disebabkan oleh perkara yang melibatkan pertukaran ahli pengurusan serta cabaran kepada kemasukan sesi pengajian diploma dan sarjana muda serentak melambatkan proses pengagihan zakat (Siti Fatimah, 2018).

Graf 4: Penetapan Sasaran Tempoh Masa Agihan Zakat



Sumber: Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) (2017)

Penambahbaikan carta alir proses pengagihan zakat telah dapat membantu meningkatkan kualiti serta tahap kecekapan proses perkhidmatan jabatan khususnya proses pengagihan zakat dengan menepati KPI

yang telah ditetapkan. Motivasi para pekerja juga dapat ditingkatkan dengan pengagihan yang lebih cekap dan sistematik.

KESIMPULAN

Kepentingan menunaikan rukun Islam ketiga iaitu zakat amat dituntut ke atas umat Islam yang cukup syarat. Sumbangan zakat amat bermakna kepada golongan yang memerlukan bagi urusan kelangsungan hidup seperti pendidikan dan sara hidup. Berkongsi nikmat melalui bantuan zakat yang diberikan kepada pelajar susah dapat membantu meringankan beban mereka ketika belajar di universiti serta mereka lebih fokus terhadap pembelajaran mereka. Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak UHEI UiTM CJ Kampus Segamat dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar yang memerlukan dengan menambahbaik proses pengurusan agihan dana zakat yang lebih cepat dan efisien. Malah ia dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian jabatan serta mengoptimumkan kos operasi jabatan. Ini kerana keberkesanan dan kecemerlangan organisasi bergantung kepada keberkesanan setiap strategi yang dilaksanakan. Pihak UHEI perlu memainkan peranan dengan lebih proaktif dari semasa ke semasa agar bantuan yang diberikan ini sampai kepada mereka yang layak. Pengurusan zakat pada masa kini juga memerlukan pengurus yang mempunyai ilmu-ilmu lain seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya akan meningkatkan tahap profesionalisme pengurusan zakat dan akhirnya dapat meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf. Kajian susulan perlu dijalankan bagi mengkaji kaedah atau pendekatan penambahbaikan berterusan dalam memudahkan urusan asnaf memohon bantuan zakat serta menjamin kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

RUJUKAN

- Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995). Malaysia (A Case study of Zakah Management), in el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications*, Jeddah: IRTI/ IDB
- Ahmad Razimi, M. S., Romle, A. R., & Muhamad Erdris, M. F. (2016). Zakat management in Malaysia: A review. *American-Eurasian Journal of Scientific Research*, 11(6)
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari. (2018). *Pengenalan*. Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada <https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/zakat-centre/introduction>
- Al-Barakah. (2017). *Laporan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2017*. Segamat: Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat.
- Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar. (2014). *Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia: Peranan dan Cabarannya Pada Masa Kini*. Proceeding of The International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). Kuala Lumpur: Malaysia.2014. 23-32. Diakses pada 29 September 2018 daripada conference.kuis.edu.my/z03-ima-2014
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar. (2018). *Buku Panduan Pelajar Edisi Khas 2018*. Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada <https://hep1.uitm.edu.my/v1/images/panduan%20pelajar%20edisi%20khas%202018.pdf>
- Bahagian Pentadbiran Fakulti Pengurusan & Perniagaan. (2015). *Buku Panduan Staf*. Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada https://fbm.uitm.edu.my/v2/images/file/buku_panduan_staf_14.04.2015.pdf
- Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdullah Latiff dan Mohd Afandi Mat Rani. (2014). *Agihan Zakat di Universiti Teknologi Mara, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju*, Universiti Teknologi Mara.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). *Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. Dlm. Kertas Kerja Prosiding Islamic Banking and Finance. Kuala Lumpur: KUIM.

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?. *Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1*. Diakses pada 15 November 2018 daripada http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/PENGAGIHAN_ZAKAT_OLEH_INSTITUSI_ZAKAT_DI_MALAYSIA.pdf
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader. (2009). *Persepsi Asnaf Terhadap Tadbir Urus Zakat Serta Peranan Masjid: Kajian Terhadap Lembaga Zakat Selangor (Lzs) Cyberjaya*. Diakses pada 21 November 2018 daripada https://www.researchgate.net/publication/328136624_Persepsi_Asnaf_Terhadap_Tadbir_Urus_Zakat_Serta_Peranan_Masjid_Kajian_Terhadap_Lembaga_Zakat_Selangor_Lzs_Cyberjaya.
- Hamizul Abdul Hamid. (2011). *Memahami Asnaf Fi Sabilillah*. Diakses pada 10 September 2018 daripada www.utusan.com.my
- Hamizul Abdul Hamid. (2015). *Apa itu Asnaf Fi Sabilillah?*. Diakses pada 10 September 2018 daripada blog.zakatselangor.com.my/memahami-asnaf-fi-sabilillah.
- Imtiaz I.A. (2000). "Introduction", dalam I.A. Imtiaz et al. (eds.), *Management of Zakah in Modern Muslim Society*, Jeddah: IRTI/IDB
- Manual Pengurusan Kebajikan Pelajar UiTM. Diakses pada 19 Ogos 2018.
- Muhammad Rizal Bin Jalil, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). *Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan*. Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada https://www.researchgate.net/profile/Hairunnizam_Wahid/publication/304462710_Lokalisasi_Unit_Zakat_Institusi_Pengajian_Tinggi_Sebagai_Model_One_Stop_Center_Agihan_Zakat_Pendidikan/links/5770732008ae621947487dc1/Lokalisasi-Unit-Zakat-Institusi-Pengajian-Tinggi-Sebagai-Model-One-Stop-Center-Agihan-Zakat-Pendidikan.pdf?origin=publication_detail
- Siti Fatimah Ab.Talib. *Urus Tadbir Agihan Zakat di UiTMCJ Kampus Segamat (Temubual)*. 2018, Ogos 16.
- Siti Fatimah Ab.Talib. *Isu Permasalahan dan Cadangan Penambahbaikan Agihan Zakat di UiTMCJKS (Temubual)*. 2018, Ogos 16
- Zakat Centre (2016). Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada <https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/zakat-centre/introduction/47-zakat-centre>
- Zakat Selangor. (2011). Diakses pada 15 November 2018 daripada <http://www.zakatselangor.com.my/siaranmedia/kenyataan-media-agihan-zakat-di-selangor-pentingkan-kesejahteraan-dan-ketelusan>
- Zakiah Jamaluddin. (2011). Kemiskinan dan Keciciran dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat, Vol.37*. Diakses pada 19 Ogos 2018 daripada <http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/jurnalkebijakanmasyarakatVol37Jun2011.pdf>